

13 NOV 2001

Mahathir - Deepavali

HARGAI KEAMANAN NEGARA SERTA SIKAP TOLERANSI KAUM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat Malaysia perlu terus membentuk persefahaman dan mengamalkan toleransi antara kaum agar kemajuan dan kemakmuran yang dicapai negara ini dapat dipertahankan dan dipertingkatkan.

Perdana Menteri berkata hasil kestabilan dan keharmonian negara yang wujud daripada perpaduan dan semangat toleransi rakyat pelbagai kaum, Malaysia dianggap sebagai negara membangun yang termaju sekali.

"Tanpa nilai-nilai ini kita tidak mungkin mencapai tahap kemajuan dan kemakmuran yang kita nikmati sekarang," katanya dalam perutusan perayaan Deepavali yang akan disambut oleh rakyat Malaysia beragama Hindu esok.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia negara Islam dan majoriti penduduknya terdiri daripada umat Islam, namun hak untuk kaum lain menganut agama serta mengamalkan budaya masing-masing tetap dipertahankan seperti termaktub dalam Perlembagaan.

"Di Malaysia suku kaum yang terkecilpun mempunyai kebebasan dan berhak dalam semua bidang, seperti politik, sosial dan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berharap supaya tradisi rumah terbuka serta kunjung-mengunjung diteruskan kerana ia penting bagi membentuk persefahaman dan sikap toleransi antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata di sesetengah negara, perbalahan antara masyarakat berlainan agama dan kaum, malahan antara satu kaum yang berlainan agama, telah menghancurkan negara berkenaan.

Oleh sebab itu banyak warga asing bermati-matian untuk menyeludup diri masuk ke negara ini, katanya.

"Biasanya ini berlaku kepada negara yang sudah maju, tidak kepada negara membangun seperti Malaysia," kata Perdana Menteri.

Terdapat hampir dua juta rakyat asing yang masuk dengan izin atau tanpa izin ke Malaysia, dan menurut Dr Mahathir, jika Malaysia tidak aman dan maju sudah tentu mereka tidak akan datang ke sini.

Rakyat Malaysia yang berfikiran waras dan rasional perlu menghargai keadaan di negara ini kerana rakyat tidak perlu berhijrah ke negara-negara lain, katanya.

"Malaysia adalah negara kita dan kita perlu tentukan ia terus aman dan maju," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia hidup hormat menghormati antara satu sama lain dan bebas menganut dan mengamalkan agama dan budaya masing-masing tanpa perlu merasa bimbang atau terancam.

Namun begitu, katanya, sejak akhir-akhir ini terdapat golongan ekstrim yang cuba mengancam keharmonian dan keamanan negara.

"Kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana puak radikal yang hanya memperjuangkan ideologi sempit mereka tanpa menghormati hak kaum dan agama lain," katanya.

--BERNAMA

AKT ZS MAI